



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM MENU SIHAT PERPADUAN DI TABIKA PERPADUAN DAN TASKA GENIUS PERPADUAN SELURUH NEGARA

PUTRAJAYA, 15 Julai 2023 – Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mengadakan program Menu Sihat Perpaduan secara serentak di semua Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan seluruh Negara. Program ini melibatkan **1,781 Tabika Perpaduan** dengan **jumlah murid seramai 36,874 orang** dan **41 Taska Genius Perpaduan** dengan **jumlah kanak-kanak seramai 980 orang**.

Program menu sihat ini diadakan bertujuan untuk **meningkatkan pengetahuan serta kefahaman kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat mengenai kepentingan pengamalan menu sihat** dalam kehidupan seharian. Selain itu ianya juga dapat meningkatkan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat mengenai **penyediaan menu sihat yang bernutrisi serta pengamalan gaya hidup dan budaya pemakanan sihat**.

Pelaksanaan program ini melibatkan guru, penolong guru, pendidik, pembantu pendidik, ibu bapa, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan serta masyarakat setempat dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri. Pelbagai pengisian yang dirangka untuk memastikan amalan pemakanan sihat dapat diterapkan kepada kanak-kanak bagi **mengurangkan empat (4) kesan malnutrisi di kalangan kanak-kanak iaitu kurang berat badan, terbantut, tersusut dan berat badan berlebihan atau obesiti**. Program ini turut menyokong kepada **Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang menjadi inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** iaitu menjadikan rakyat Malaysia sihat sejahtera melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran.

Diharapkan agar program ini dapat dijadikan sebagai pemangkin kepada peningkatan kualiti dan pengamalan pengambilan makanan yang sihat yang **harus dipupuk dari rumah dan sejak peringkat awal usia kanak-kanak** supaya ia menjadi satu tabiat sepanjang hayat. Hal ini penting sebagai **dorongan kepada kanak-kanak** menjalani kehidupan secara seimbang dan seterusnya memberi **pendedahan awal kepada mereka** mengenai amalan gaya hidup sihat serta pengetahuan pemilihan makanan seimbang.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Julai 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (22)

Pertanyaan Media:- Bahagian Korporat
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
No. Tel: +6019-2671075 (YM Tengku Nor Liza Tengku Yahya)
+6019-39239379 (Jasittha)
E-mel: projpnin@perpaduan.gov.my